

# Taqwiyah al-Hadith: Satu Kajian dalam Kitab Fada'il Shahr Ramadan

**BITARA**Volume 1, Issue 2, 2018: 001-014  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Taqwiyah (Strengthening) of al-Hadith: A Study in the Kitab Fada'il Shahr Ramadan]

Mohd Nor Adli Osman,<sup>1</sup> Muhammad Aidil Zali,<sup>1</sup> Azmir Alim,<sup>2</sup>  
Muhamad Rozaimi Ramle<sup>1</sup> & Roshimah Shamsudin<sup>2</sup>

### Abstrak

Asasnya, hadith *da'if* terbahagi kepada dua bahagian iaitu, *da'if* yang berat dan *da'if* yang ringan. Adapun hadith yang boleh diangkat kepada martabat yang lebih baik adalah *da'if* yang ringan. Untuk mengenal pasti sama ada ianya adalah hadith *da'if* yang berat atau hadith *da'if* ringan, para ilmuwan hadith telah menetapkan disiplin untuk mengkategorikan pembahagian tersebut. Penulisan ini bertujuan untuk melihat antara contoh riwayat *da'if* di dalam kitab *Fada'il Shahr Ramadan* boleh diangkat kepada martabat yang lebih baik. Di samping itu juga, penulisan ini bertujuan untuk melihat bagaimana untuk berinteraksi dengan riwayat-riwayat yang telah dinilai sebagai *da'if*. Penulisan ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan penulisan ini. Hasil kajian ini mendapati hadith-hadith *da'if* ringan yang terdapat di dalam kitab yang ditulis oleh Ibn Shahin boleh diangkat ke martabat *hasan li ghayrihi* kerana terdapat *shawahid* dan juga *mutaba'at* pada kitab-kitab yang lain. Ilmu ini mempunyai kepentingan supaya dapat memandu diri dalam berinteraksi dengan riwayat-riwayat *da'if* dan juga dapat mengetahui kedudukan riwayat-riwayat *da'if* di dalam kitab *Fada'il Shahr Ramadan*.

### Kata Kunci

*Hadith da'if, hasan li ghayrihi, Fada'il Shahr Ramadan.*

### Abstract

The *da'if* (weak) hadith is divided into two parts, namely, the heavy and the light *da'if*. In this context, the light *da'if* can be ascribed to a better prestige. The scholars of the hadith have set the discipline to determine whether it is a heavy or a light hadith. The objective of this writing is to see which examples of *da'if* histories in the book of *Fada'il Shahr Ramadan* can be raised to a higher status. Furthermore, this study aims to see how to interact with histories that have been considered as *da'if*. This article uses qualitative approaches by reviewing the documents connected with this research. The findings of this study showed that the *da'if* (weak) hadiths mentioned in the book written by Ibn Shahin can be raised to the prestige level of *hasan li ghayrihi*, as there are *shawahids* and *mutaba'at* in other texts. This knowledge has the prospective to guide itself in interacting with *da'if* (weak) histories and also to understand the position of *da'if* (weak) histories in the book of *Fada'il Shahr Ramadan*.

### Kata Kunci

*Hadith da'if, hasan li ghayrihi, Fada'il Shahr Ramadan.*

<sup>1</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup> Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

### Corresponding Author:

Mohd Nor Adli Osman, Calon PhD, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak, Malaysia.  
E-mail: [abuamjad1@ymail.com](mailto:abuamjad1@ymail.com)

**Cite This Article:**

Mohd Nor Adli Osman, Muhammad Aidil Zali, Azmir Alim, Muhamad Rozaimi Ramle & Roshimah Shamsudin. 2018. *Taqwiyah al-hadith: Satu kajian dalam kitab Fada'il Shahr Ramadan*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 1(2): 1-14.

## Pengenalan

Setiap kitab hadith tidak terlepas daripada meriwayatkan beberapa hadith *da'if* melainkan di dalam *Sahih al-Bukhari* dan juga *Sahih Muslim*. Oleh itu mengkaji dan meneliti kembali kedudukan setiap hadith yang terdapat di dalamnya adalah satu usaha yang terpuji. Walaupun begitu, penulis menyedari hakikat masyarakat masa kini, sekiranya berhadapan dengan hadith-hadith yang bertaraf *da'if*, rata-rata masyarakat beranggapan kesemua *da'if* boleh dipraktikkan untuk bab kelebihan beramal dan mereka beramal dengan riwayat-riwayat bertaraf *da'if* secara “pukal”. Tetapi, ironinya, penggunaan riwayat-riwayat yang bertaraf *da'if* perlu dilihat dari semua segi, kerana terdapat riwayat yang boleh digunakan dalam bab kelebihan beramal dan sebaliknya. Justeru itu, penulisan ini menghuraikan pecahan-pecahan riwayat *da'if* yang boleh diangkat kepada martabat yang lebih bagus dengan mengambil kira pelbagai faktor. Justeru, kitab *Fada'il Shahr Ramadan* yang ditulis oleh Ibn Shahin menjadi perbincangan penulis dalam mengaplikasikan teori ini.

## Definisi Hadith *Da'if*

*Da'if* dari segi bahasa bererti lemah, menjadi tidak bermaya iaitu, lawan kepada kuat (al-Marbawi 1990). Terdapat beberapa sarjana ilmu hadith mereka mendefinisikan hadith *da'if* sebagai: “hadith *da'if* adalah setiap hadith yang tidak memiliki sifat-sifat hadith *sahih*” (al-Khayr ‘Abadi 2009).

Manakala menurut al-Kiranawi (1990) adalah: “hadith *da'if* adalah hadith yang tidak memiliki sifat *hasan* dan berbeza keadaan kelemahannya dengan paling lemah dan lemah yang sederhana seperti mana sifat *sahih* yang mengandungi paling *sahih* dan kurang *sahih*.”

## Klasifikasi Hadith *Da'if*

Para ahli hadith telah mengklasifikasikan hadith *da'if* kepada beberapa jenis mengikut penelitian dan pengkajian mereka, ada yang mengklasifikasikan kepada 381 bahagian atau jenis dan ada yang mencecah 510 bahagian (pengklasifikasian ini tidak masuk akal). Pembahagian yang boleh diambil kira ialah pengklasifikasian yang dibuat oleh Imam Ibn Hibban sebanyak 49 bahagian, 42 bahagian oleh al-‘Iraqi dan Ibn al-Salah kepada 42 jenis (al-Khayr ‘Abadi 2009). Umum mengetahui hadith *da'if* yang boleh diangkat kepada martabat yang baik adalah *al-Mu'allaq*, *al-Mursal*, *al-Mu'dal*, *al-Munqati'* dan *al-Mudallas*

## **Taqwiah pada Hadith-hadith *Da'if***

Majoriti para ulama hadith berpendapat hadith *da'if* boleh diangkat kepada martabat yang lebih baik, dengan syarat kelemahan hadith itu tidak berat. Berikut adalah faktor-faktor sesuatu hadith itu boleh dinaiktarafkan kepada status yang lebih tinggi dari yang asal;

### **Faktor-faktor Lemah yang Sederhana**

1. Lemah ingatan
2. Terputus *sanad* sama ada secara zahir mahupun secara tersembunyi
3. *Jahalah 'adalah*

Antara jenis hadith yang boleh dinaik tarafkan adalah seperti: hadith *Hasan li Dhatihi*, *Hasan li Ghayrihi*, *al-Mu'allaq*, *al-Mursal*, *al-Mu'alah*, *al-Munqati'*, *al-Mudallas*, *al-Mursal* dan *al-Khafi*. Dalam penulisan ini, akan dihuraikan bagaimana riwayat yang *da'if* boleh diangkat kepada martabat *hasan li ghayri*.

### **Kenaikan Taraf Hadith-hadith Berstatus *Da'if* kepada *Hasan li Ghayrihi***

Hadith-hadith berstatus *da'if* boleh juga ditingkatkan kedudukannya kepada *hasan li ghayrihi*. Hal ini kerana perawi-perawi yang terdapat di dalamnya bukanlah dari perawi yang dinilai sebagai pelaku bidaah, pendusta atau dituduh sebagai pendusta atau sebagainya, tetapi ianya adalah berkaitan dengan *kedabitan* perawi itu sendiri seperti lemah dalam hafalan. Oleh itu, sekiranya terdapat *sanad* yang lain yang bertepatan dengannya menunjukkan kepada kita satu bukti yang menjelaskan hadith yang *da'if* itu ada kebenaran dan menguatkan antara satu dengan yang lain, para perawi di dalam hadith *da'if* itu tidak melakukan kesalahan atau kesamaran atau lupa maka janganlah kita membiarkannya kerana hadith *da'if* itu dapat dinaikkan kepada *hasan li ghayrihi*

Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira sebelum sesebuah riwayat *da'if* itu boleh diangkat kepada martabat *hasan li ghayrihi*. Perkara tersebut adalah:

- a. *Sanad* yang berbilang-bilang
- b. Umat Islam telah menerima hadith Berkenaan
- c. Bertepatan dengan zahir al-Quran

### **Hadith-hadith *Da'if* dalam Kitab *Fada'il Shahr Ramadan* yang Boleh Ditingkatkan**

Setelah diterangkan dalam penulisan ini beberapa disiplin perlu dipatuhi sebelum sesebuah riwayat *da'if* pada asalnya, dapat diangkat kepada martabat yang lebih baik. Maka penulis dalam bahagian ini akan mendatangkan beberapa riwayat sahaja yang berstatus *da'if* dalam kitab *Fada'il Shahr Ramadan* sebagai mengaplikasikan teori yang telah dinyatakan oleh penulis pada bahagian lepas.

## Hadith Pertama

حدثنا يحيى بن محمد بن صاعد، وجعفر بن محمد بن إبراهيم - يعرف بابن أبي الصعو - الصيدلاني، قالوا: حدثنا أبو الأشعث أحمد بن المقدم، حدثنا سلمة بن عبد الله الرهاوي - وقال جعفر: سلم - حدثنا ابن أبي عبيدة، عن أبيه، عن جده، عن عمار بن ياسر، أن النبي صلى الله عليه وسلم صعد المنبر فقال: آمين. آمين. آمين، ثم قال: من أدرك والديه أو أحدهما فلم يغفر له فأبعده الله، قولوا: آمين. ومن أدرك رمضان فلم يغفر له فأبعده الله، قولوا: آمين. ومن ذكرت عنده فلم يصل علي فأبعده الله، قولوا: آمين.

## Terjemahan Perawi

Muhammad ibn ‘Ammar ibn Yasir, Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim ibn Hibban al-Busti dalam kitab beliau *al-Thiqat* telah berkata: “Meriwayatkan *hadith* dari ayahnya dan diriwayatkan daripada ‘Ubaidillah ibn Muhammad” (Ibn Hibban,1988).

Abu ‘Ubaydah ibn Muhammad ibn ‘Ammar ibn Yasir ibn ‘Amir ibn Malik ibn Kinanah ibn Malik ibn Qays (Ibn Hajar 1995).

Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim al-Razi dengan komentar beliau: “*Sahih* *hadith* dan kadang-kadang *Munkar al-hadith*”. (Ibn Hajar,1995)
2. ‘Abd Allah ibn Ahmad ibn Hanbal juga menambah dengan komen: “*thiqqah*”
3. Yahya ibn Ma‘in pula:“*Thiqah*”.

‘Uthman ibn Abu ‘Ubaydah ibn Muhammad ibn ‘Ammar ibn Yasir ibn ‘Amir ibn Malik ibn Kinanah ibn Malik ibn Qays

Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Komentar ahli *nuqqad* berkata:“*Majhul hal*”

Salamah ibn ‘Abd al-Allah al-Rahawi

Komentar para *nuqqad* antaranya: *Majhul hal*

Abu al-Ash‘ath Ahmad ibn al-Miqdam.

Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn al-Jurjani berkata: “*min ahli al-Saduq ‘anhu Aimmatun Nas*”.
2. Ahmad Syua’ib al-Nasaie pula berkata: “*Laysa Bihi Ba’sa*”
3. Abu Arubah menambah: “*pujian ke atasnya*”.
4. Abu Hatim al-Razi juga menambah: “*Sahih al-Hadith dan tempat kebenaran*” (Ibn Hajar 1995)
5. Ibn ‘Abd al-Bar al-Andalusi menilai beliau: “*thiqqah*”

Ja’far ibn Muhammad ibn Ibrahim

Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraqutni berkata: “*Thiqah*”.

Yahya ibn Muhammad ibn Sa’id ibn Khatib al-Baghdadi (al-Dhahabi 1985). Muhaddith al-‘Iraq.

Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn Shahin sendiri mengatakan bahawa beliau adalah: “*al-Hafiz, al-Imam lagi Thiqah*” (al-Dhahabi 1985).
2. Abu Bakar al-Isma’ili menambah: “*al-Hafiz*”.
3. Abu Ya’la al-Khalali lagi memberi komen: “*Thiqah al-Imam*” (al-Dhahabi 1985).
4. al-Daraqutni pula: “*Thiqah Thabit Hafiz*” (al-Dhahabi 1985)

## Penilaian hadith

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Shahin ini telah dinilai *da’if* oleh pentahqiq kitab tersebut iaitu Samir ibn Amin al-Zuhayri, disebabkan terdapat dua orang perawi yang *majhul* iaitu Salamah ibn ‘Abd Allah al-Rahawi dan Ibn Abu ‘Ubaydah. Hadith ini turut terdapat beberapa *shawahid* dan juga *mutaba’at* yang diriwayatkan dengan susur jalur sanad yang berbeza dengan apa yang telah diriwayatkan oleh Ibn Shahin. Riwayat-riwayat tersebut adalah seperti:

1. *Mu’jam al-Kabir*: nombor hadith 2034 pada bab *Jabir ibn Samurah al-Sawini Yukna Abu Khalid wa Ya’qilu Abu ‘Abd Allah Nisbatuhu*, yang diriwayatkan oleh Jabir dengan lafaz pada matannya *أَتَانِي جَبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ* (al-Tabrani 1983),
2. *Sahih Ibn Hibban*: nombor hadith 907, kitab *ar-Raqaiq, bab al-Ad’iyah*. diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan di nilai sanadnya oleh Shaykh Shu’ib al-Arnauth dengan *sahih* dan dinilai juga oleh Shaykh Nasr al-Din sebagai *hasan sahih* dengan tambahan lafaz *إِنَّكَ حِينَ صَعَدْتَ الْمَنْبَرِ قُلْتَ: آمِينَ آمِينَ آمِينَ قَالَ: (إِنْ جَبْرِيلُ أَتَانِي* (Ibn Hibban 1993).
3. *Musnad Abu Ya’la*: nombor hadith 5922, bab *Musnad Abu Hurairah*, yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dan dinilai riwayat tersebut oleh Husayn Salim Asad dengan sanadnya *hasan* dengan lafaz matan yang sama seperti yang terdapat di dalam *Sahih Ibn Hibban*.

## Rumusan

Hadith tersebut pada asalnya *da'if* kerana perawi yang *majhul* yang telah disebutkan. Akan tetapi riwayat yang diriwayatkan oleh Ibn Syahin itu dapat diangkat kepada martabat *hasan li ghairihi* berdasarkan *syawahid* dan *mutaba'at* yang telah penulis nyatakan diatas.

## Hadith Kedua

حدثنا علي بن محمد المصري، حدثنا يحيى بن عثمان السهمي، حدثني عبيد بن صدقة أبو سعيد النصيبي، حدثنا معاوية بن يزيد الكندي أبو القاسم، قال: حدثني أبو نافع المدني، عن ابن شهاب الزهري، قال: قال أنس بن مالك رضي الله عنه: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم يوماً على المنبر: " من أدرك شهر رمضان، ثم مات لم يغفر له، فإلى النار "، فقلت: أبعده الله، قال: ثم قال: من أدرك أحد والديه، فمات ولم يبرهما فإلى النار ". قال: قلت أبعده الله قال: " ومن ذكرت عنده فلم يصل علي فمات، فإلى النار ". فقال: " أبعده الله ". فلما نزل، قام إليه أبو ذر فقال له: سمعناك على المنبر، تقول: آمين. فمم ذلك يا رسول الله؟ قال: " جبريل أتاني "

## Terjemahan Perawi

Muhammad ibn Muslim ibn ‘Ubayd Allah ibn ‘Abd Allah ibn Shihab ibn ‘Abd Allah ibn al-Harith ibn Zuhrah ibn Kilab ibn Murrah ibn Ka‘ab. Terkenal dengan Ibn Shihab al-Zuhri (al-Dhahabi 1985). Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim al-Razi menilai beliau: “al-Zuhri lebih aku sukai dari al-A’maysh dan berhujah dengan hadithnya”.
2. Ibn Hibban memasukkan beliau di dalam kitab *al-Thiqqat*.
3. Abu Dawud menilai beliau: “manusia yang paling baik dalam meriwayatkan hadithnya”

Muhammad ibn Muhammad ibn Nafi‘, Abu Nafi‘ al-Madini. Komentor para *Nuqqad* antaranya:

1. Ibn Hibban memasukkan di dalam kitab *al-Thiqqat*.
2. al-Bukhari telah mencatatnya dalam *al-Tarikh al-Kabir* dan menunjukkan bahawa beliau meriwayatkan daripada al-Qasim ibn ‘Abd al-Wahid. (Ibn Hajar, 2002)

Mu‘awiyah ibn Yazid al-Kindi Abu al-Qasim. Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. *Majhul hal*.

‘Ubayd ibn Sadaqah Abu Sa‘id al-Nasibi (Ibn Hajar 2002). Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. Komentari ahli *nuqqad* menilainya: “*Majhul hal*”.

Yahya ibn ‘Uthman ibn Salih ibn Safwan al-Qurashi al-Sahmi (Ibn Hajar 1995). Mendengar hadith dari ayahnya sendiri iaitu ‘Uthman ibn Salih, Sa‘id ibn Abu Maryam, ‘Abd Allah ibn Salih, Nu‘aym ibn Hammad, Ibn Lahi‘ah dan yang lain adalah dari sama *tabaqah* dengannya. Bagi yang mendengar hadith dari beliau ialah Ibn Majah, ‘Abd al-Mu‘min ibn Khalaf al-Nasafi, ‘Ali ibn Muhammad al-Misri dan ramai lagi. Telah berkata Ibn Yunus “Beliau seorang yang alim tentang berita di Mesir, tentang kematian para ulama, penghafal hadith-hadith dan bercakap tentang ilmu yang tidak pernah dibicarakan oleh orang lain ” (al-Dhahabi 1985). Ibn Abu Hatim menambah lagi dengan berkata “Aku dan ayahku telah pun menulis daripadanya dan juga bercakap tentang beliau ” (al-Dhahabi 1985). Beliau meninggal dunia pada bulan Zulkaedah pada tahun 282H (al-Dhahabi 1985). Komentari para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn Abu Hatim al-Razi pula berkata: “Ada yang telah bercakap tentang beliau ” (Ibn Hajar 1995).

‘Ali ibn Muhammad ibn Ahmad ibn al-Hasan al-Baghdadi, terkenal dengan gelaran al-Misri kerana lama menetap di Mesir. Mendengar hadith dari Ahmad ibn ‘Ubayd, Muhammad ibn Isma‘il al-Tirmidhi, Ibn Abu al-‘Awwam. Manakala yang mengambil daripada beliau pula ialah Ibn Shahin, al-Daraqutni, Abu al-Husayn al-Muzaffar dan Abu al-Hasan ibn Razqiyah (al-Dhahabi 1985). Meninggal dunia pada bulan Zulkaedah pada tahun 338H seperti yang disebut oleh al-Khatib. Komentari para *Nuqqad* antaranya:

1. Berkata Abu Bakr al-Khatib berkata: “*Thiqah*, ‘*Arif*, menghimpun hadith al-Laith dan hadith Ibn Lahi‘ah, mengarang banyak kitab berkaitan *al-Zuhd* dan dia mempunyai majlis pengajiannya sendiri ” (al-Dhahabi 1985).
2. Ibn Hibban telah menyenaraikan beliau dalam kitab *al-Thiqat*

## Ulasan

Hadith ini telah dinilai sebagai *da‘if* disebabkan terdapat beberapa perawi yang telah diarahkan, mereka seperti Abu Nafi‘ al-Madini, Mu‘awiyah ibn Yazid al-Kindi dan ‘Ubayd ibn Sadaqah Walau bagaimanapun, terdapat beberapa *mutaba‘at* mahupun *syawahid* yang menyokong riwayat ini, riwayat-riwayat tersebut adalah:

1. *Musnad al-Bazzar*, nombor hadith 3790, yang diriwayatkan oleh sahabat Nabi *sallallahu ‘alaihi wasallam* ‘Abd Allah ibn al-Harith, pada bab *Ma Asnada ‘Abd Allah ibn al-Harith ibn Juz’ al-Zabidi ‘an an-Nabi*.
2. *Ithaf al-Khirah al-Mahrah bi Zawaid al-Masanid al-‘Ashrah*, nombor hadith 6286, kitab *al-Ad‘iyat*, bab *fi al-Salati al-Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam*, yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah. Riwayat ini mempunyai susur jalur yang berbeza dengan apa yang telah diriwayatkan oleh Ibn Shahin, iaitu:

أبو معمر إسماعيل بن إبراهيم الهذلي، ثنا حفص بن غياث، عن محمد بن عمرو، عن أبي سلمة، عن أبي هريرة:  
"أن النبي - صلى الله عليه وسلم

Di dalam *Sahih Ibn Hibban* terdapat sanad yang sama seperti di atas dan telah dinilai *hasan sahih* oleh Shaykh Nasr al-Din al-Albani dan Shaykh Syua'ib al-Arnauth menilainya dengan *Isnad Hasan*.

## Rumusan

Hadith tersebut pada asalnya *da'if* kerana *perawi* yang disebutkan telah *dijarahkan* oleh beberapa ahli *nuqqad*. Akan tetapi riwayat yang diriwayatkan oleh Ibn Shahin itu dapat diangkat kepada martabat *hasan li ghayrihi* berdasarkan *shawahid* dan *mutaba'at* yang telah nyatakan di atas. Di mana martabat tersebut lebih baik dari apa yang telah didatangkan oleh Ibn Shahin.

## Hadith Ketiga

حدثنا عبد الله بن زياد، حدثنا محمد بن عبد الملك، ح وحدثنا أحمد بن سلمان، حدثنا إبراهيم بن عبد الله، ومعاذ بن المثني، قالوا: حدثنا عبد الله بن مسلمة بن قعنب، ح وحدثنا أحمد، أيضا، حدثنا عبد الملك بن محمد، حدثنا أبو نعيم، والقعني، قالوا: حدثنا سلمة بن وردان، قال: سمعت أنس بن مالك، يقول: ارتقى رسول الله صلى الله عليه وسلم على درجة المنبر، فقال: " آمين ". فقال أصحابه: على ما أمنت يا رسول الله؟ قال: " أتاني جبريل فقال: رغم أنف امرئ أدرك رمضان، فلم يغفر له. فقلت: آمين.

## Terjemahan Perawi

Salamah ibn Wardan al-Laythi al-Junda'i, saudara kepada 'Abd al-Rahman ibn Wardan. Komentara para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraqutni: "Salih dan beliau mengambil hadith dari Anas" (al-Mizzi 1992).
2. Abu Dawud: "*Da'if*" (al-Mizzi 1992).
3. al-Nasa'i: "*da'if*". Selain pendapat itu beliau mengatakan: "Tidak *Thiqah*" (al-Mizzi 1992).
4. Ahmad ibn Hanbal: "*Munkar al-Hadith Laysa bi Shay', da'if al-hadith*" (al-Mizzi 1992).

'Abd Allah ibn Maslamah ibn Qa'nab al-Qa'nabi al Harithi Abu 'Abd al-Rahman al-Madani. Komentara para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn Abu Hatim al-Razi berkata: "*Thiqah, Hujjah*, aku suka kepadanya dan aku tidak pernah lihat orang yang lebih khusyuk daripada beliau" (al-Dhahabi 1985).



2. Ahmad ibn Hanbal: “Tidak ada yang lebih *afdal* dari beliau dalam *Muwatta*”.

al-Fadil ibn Dakin, Abu Nu‘aym. Nama beliau ialah ‘Amr ibn Hammad ibn Zuhayr ibn Darham al-Qurashi al-Taymi al-Talhi (w 218H). Komentar para *nuqqad* antaranya:

Abu Hatim al-Razi menilai beliau: “*thiqqah hafiz mutqin*”

1. Abu Dawud menilai beliau: “*al-Hafiz Jiddan*”.
2. Ahmad ibn Syua’ib al-Nasaie menilai beliau: “*thiqqah makmum*”

‘Abd al-Malik ibn Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Muhammad ibn ‘Abd al-Malik ibn Muslim, Abu Qalabah al-Raqashi al-Darir al-Hafiz. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraquthni: “*saduq, banyak melakukan kesilapan pada sanad-sanad*” (al-Dhahabi 1985)
2. Abu Dawud berkata: “Aku menulis dari beliau di Basrah dan dia seorang yang benar, amin lagi Ma’mun” (al-Dhahabi 1985)

Ahmad ibn Sulayman ibn al-Hasan ibn Isra’il al-Baghdadi Komentar para *nuqqad* antaranya: al-Daraquthni menilai beliau: “telah menceritakan dari kitab selain darinya tidak ada asalnya”

Mu‘adh ibn al-Muthanna ibn Mu‘adh, komentar para *nuqqad* antaranya:

1. “*Majhul*”

Ibrahim ibn ‘Abd Allah ibn Muslim ibn Mu‘iz. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraquthni: “*Saduq Thiqah*”.

Muhammad ibn ‘Abd al-Malik ibn Marwan ibn al-Hakam al-Wasiti, Abu Ja‘far al-Daqiqi. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim al-Razi: “*Saduq*”.
2. al-Daraquthni: “*Thiqah*”.

‘Abd Allah ibn Muhammad ibn Ziyad al-Naysaburi. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraquthni berkata: “Di sini ada soalan yang diajukan kepada Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami, lalu beliau berkata: “Aku tidak pernah melihat orang yang lebih menghafal daripada beliau, kadang-kadang beliau menjawab “tidak pernah kami melihat seperti beliau dari kalangan guru-guru kami”.

## Ulasan

Hadith ini martabatnya adalah *da'if* disebabkan terdapat pada jalur sanad perawi yang bernama Salamah ibn Wardan dan Mu'adh ibn al-Muthanni ibn Mu'adh. Walau bagaimanapun, riwayat ini terdapat beberapa *syawahid* maupun *mutaba'at* yang menyokong riwayat yang terdapat di dalam Ibn Syahin, seperti riwayat:

1. *Musnad al-Bazzar*, nombor hadith 1405, dalam bab *Wa Mimma Ra'a Abu Wayl 'an 'Ammar*, Sanad ini dinilai *da'if* disebabkan perawi yang bernama 'Uthman ibn Abu 'Ubaydah yang dinilai sebagai *majhul*. Tetapi diriwayatkan di dalam *Musnad al-Bazzar*, terdapat penambahan lafaz pada:

أو فأبعده الله قل آمين فقلت آمين ورغم أنف رجل أدرك والديه فلم يدخله الجنة أو فأبعده الله قل آمين قلت  
 آمين ورجل ذكرت عنده فلم يصل عليك فأبعده الله قل آمين فقلت آمين

2. *al-Dinar Min Hadith al-Mashaykh al-Kibar*. nombor hadith 51, dalam *muqaddimah*nya. Sanadnya melalui jalan Salamah ibn Wardan, yang telah dinilai *da'i*, adapun lafaz *matan* yang terdapat di dalamnya adalah:

ثم ارتقى درجة أخرى فقال آمين ثم ارتقى درجة أخرى فقال آمين ثم جلس فسأله علام أنت يا رسول الله فقال  
 أتاني جبريل فقال رغم أنف من ذكرت عنده فلم يصل عليك فقلت آمين ثم قال رغم أنف امرئ أدرك أحد  
 والديه فلم يدخل الجنة فقلت آمين ثم ....

## Rumusan

Setelah pengkaji mengkaji pada *mutaba'at* dan *shawahid* pada riwayat ini, secara kesimpulannya pengkaji meletakkan hadith tersebut tergolong dalam *Hasan li Ghayrihi*

## Hadith Keempat

حدثنا عبد الله بن محمد الخراساني، حدثنا عمي يعني: علي بن عبد العزيز، حدثنا إسحاق بن محمد الفروي ح  
 وحدثنا عبد الله بن محمد أيضا، حدثنا إبراهيم بن هانئ، حدثنا ابن أبي مریم ح وحدثنا أبو بكر النيسابوري،  
 حدثنا إسحاق بن محمد الصغاني، حدثنا ابن أبي مریم، قالوا: حدثنا محمد بن هلال مولى بني جمح المدني ح  
 وحدثنا محمد بن يوسف القاضي، حدثنا أحمد بن منصور، ومحمد بن إسحاق، قالوا: حدثنا ابن أبي مریم، قال:  
 وحدثنا محمد بن هلال، عن سعد بن إسحاق بن كعب بن عجرة، عن أبيه، عن جده كعب بن عجرة، أن رسول  
 الله صلى الله عليه وسلم خرج يوما إلى المنبر فقال حين ارتقى درجة: " آمين ". ثم ارتقى الأخرى، فقال: " آمين

" . ثم ارتقى الثالثة، فقال: " آمين " فلما نزل عن المنبر وفرغ. قلنا له: يا رسول الله، لقد سمعنا منك كلاما اليوم ما كنا نسمعه قبل اليوم. قال: " وسمعتموه ؟ " . قالوا: نعم. قال: " إن جبريل عرض لي حين ارتقيت درجة فقال - يعني بعد من أدرك أبويه - فلم يدخل الجنة. فقلت: آمين. ثم قال: بعد من ذكرت عنده فلم يصل عليك. فقلت: آمين. ثم قال: بعد من أدرك رمضان، فلم يغفر له. فقلت: آمين "

### Terjemahan Perawi

Ishaq ibn Ka'ab ibn 'Ujrah. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn Hibban dalam *al-Thiqat* berkata: "Ibn Qatthan telah berkata "*Majhul al-Hal*". Perawi yang mengambil hadith dari beliau antaranya, anaknya sendiri. al-Dumyati berkata "beliau dibunuh di Hurrah pada tahun 63H " (al-Mughlazi 2001).
2. Abu al-Hasan ibn al-Qattan al-Fasi menambah: "*Majhul al-Hal*".
3. Ibn Hibban telah menyebut dalam kitab beliau *al-Thiqqat* (Ibn Hibban 1988): Berkata Abu al-Hasan al-Qatthan: "Tidak diketahui riwayat beliau selain dari anaknya Sa'd dan dia *Majhul al-Hal*" (al-Mizzi 1992).

Sa'd ibn Ishaq ibn Ka'ab ibn 'Ujrah. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn Ma'in berkata: "*Thiqah*" (al-Dhahabi 2003).
2. Ahmad ibn Hanbal pula berkata: "*Thiqah*".
3. al-Daraqutni menambah lagi dengan kalimah: "*Thiqah*".

Muhammad ibn Hilal ibn Abu Hilal al-Madani Mawla Bani Ka'ab. Meninggal dunia pada tahun 260H. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim al-Razi pula: "*Salih*".
2. Ahmad ibn Hanbal pula berkata: "*Thiqah*".
3. Yahya ibn Ma'in menthiqahkan beliau.

Abu Bakr ibn 'Abd Allah ibn Abi Maryam al-Ghassani al-Humasi. Beliau merupakan syaikh bagi penduduk Hums. Lahir pada pemerintahan 'Abd al-Malik ketika Abu Amamah masih hidup. Meninggal dunia pada tahun 156 H. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim al-Razi dengan berkata: "*Thiqah* " (al-Dhahabi 1985)
2. Yahya ibn Ma'in pula menambah dengan berkata: "*Thiqah dari para thiqat* ". (al-Dhahabi 1985)

Ibrahim ibn Hani' al-Naysaburi al-'Abid al-Faqih. Lahir selepas tahun 180H. Komentar para *nuqqad* antaranya:

1. Ibn Abu Hatim berkata: “*Thiqah Saduq*” (al-Dhahabi 1985).
2. Ahmad ibn Hanbal pula berkata: “*Thiqah* dan beliau salah seorang dari *al-Abdal*” (al-Dhahabi 1985).
3. al-Hakim pula menambah: “*Thiqah Ma'mun*” (al-Dhahabi 1985)
4. Berkata al-Khatib juga berbicara tentangnya iaitu dengan berkata: “Beliau salah seorang dari *al-Abdal* dan *berrehlah* ke Sham dan al-‘Iraq”.

‘Abd Allah ibn Muhammad ibn ‘Abd al-‘Aziz ibn al-Marzaban ibn Sabur ibn Shahnishah Lahir pada bulan Ramadan. Terkenal dengan nama ‘Abd Allah ibn Sabur al-Bughawi. Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraqutni menilai beliau: “*thiqqah*, dari sudut hadith beliau lebih baik dari Ibn Sa‘id” (al-Dhahabi 1985).
2. Ibn Abu Hatim menilai beliau dengan: “perawi yang *sahih*” (al-Dhahabi 1985).
3. al-Naqash menilai beliau dengan: “*thiqqah*” (al-Dhahabi 1985).

Ishaq ibn Muhammad ibn Isma‘il ibn ‘Abd Allah ibn Abi Farwah al-Farawi, Abu Ya‘qub al-Madani al-Qurashi al-Umawi. Mawla ‘Uthman ibn ‘Affan. Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. Abu Hatim menilai beliau dengan: “*Saduq*” (Muhammad 1981)
2. al-Nasa‘i menilai beliau: “*laysa bi thiqqah*”

‘Ali ibn ‘Abd al-‘Aziz ibn al-Marzaban ibn Sabur ibn Shahan Shah Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraqutni berkata: “Ditanya kepada Abu ‘Abd al-Rahman al-Sulami, maka beliau menjawab: “*Thiqah Ma'mun*” (al-Dhahabi 1989)
2. Ibn Abi Hatim al-Razi menilai beliau dengan: “*Saduq*” (al-Dhahabi 1989)

‘Abd Allah ibn Muhammad ibn ‘Abd al-‘Aziz ibn al-Marzaban ibn Sabur ibn Shahnishah Lahir pada bulan Ramadan. Terkenal dengan nama ‘Abd Allah ibn Sabur al-Bughawi. Komentor para *nuqqad* antaranya:

1. al-Daraqutni menilai beliau: “*thiqqah*, dari sudut hadith beliau lebih baik dari Ibn Sa‘id” (al-Dhahabi 1985).
2. Ibn Abu Hatim menilai beliau dengan: “perawi yang *sahih*” (al-Dhahabi 1985)
3. al-Naqash menilai beliau dengan: “*thiqqah*” (al-Dhahabi 1985)

## Ulasan

Hadith ini telah dinilai *da'if* kerana terdapat pada jalur sanad perawi yang bernama Ishaq ibn Ka‘ab ibn ‘Ujrah yang telah dinilai sebagai *majhul* oleh beberapa ahli *nuqqad*. Walau bagaimanapun, riwayat ini terdapat beberapa *mutaba‘at* dan juga *shawahid* bagi menyokong riwayat ini, riwayat-riwayat tersebut adalah:

1. *al-Mu'jam al-Kabir*, nombor hadith 315, dalam bab Ka'ab ibn 'Ujrah al-Ansari Yukna Abu Muhammad. Dalam riwayat tersebut ianya melalui jalan Ishaq ibn Ka'ab ibn 'Ujrah pada sanad tersebut.
2. *Sahih Ibn Muslim*, nombor hadith 2551, *Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, bab Raghima Anfu Man Adraka Abawayhi aw Ahadahuma 'Inda al-Kibari Falam Yadkhuli al-Jannah*, pada lafaz tersebut terdapat tambahan lafaz عند الكبر dengan perawi yang terdapat pada sanad tersebut adalah kesemuanya di *ta'dilkan*.

## Rumusan

Berdasarkan kepada *shawahid* dan *mutaba'at* yang telah dinyatakan maka riwayat yang dinyatakan oleh Ibn Shahin boleh diangkat menjadi *hasan li ghayri*.

## Kesimpulan

Setelah menilai beberapa hadith yang terdapat di dalam kitab Ibn Syahin terdapat beberapa hadith yang diriwayatkan oleh beliau boleh diangkat kepada martabat yang lebih baik. Berdasarkan itu, hadith-hadith tentang kelebihan bulan Ramadhan yang dibawa oleh penulis kitab ini dapat digunakan samada untuk beramal ataupun berhujah. Justeru, pemahaman masyarakat tentang hadith *da'if* perlu diperbetulkan agar masyarakat tidak menggunakan riwayat-riwayat yang bertaraf *da'if* secara 'pukal'. Oleh itu, apabila berhadapan dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan diatas, maka riwayat itu dapat diangkat kepada martabat yang lebih baik. Maka penilaian secara menyeluruh perlu dilakukan sebelum mengangkat sesebuah hadith yang pada asalnya *da'if* kepada *hasan ligaihi*.

## Rujukan

- Abu Shaybah, Abu Bakr 'Abd Allah ibn Muhammad ibn Ibrahim. 2010. *al-Musannaf*. Tahqiq, Abu Muhammad Usamah ibn Ibrahim ibn Muhammad. al-Qahirah: al-Faruq al-Hadithah li al-Tiba'ah wa al-Nashr
- al-Bazzar, Abu Bakar Ahmad ibn 'Amru. 1989. *Musnad al-Bazzar*. Tahqiq: Mahfuz al-Rahman Zin Allah. Bayrut: Mu'assasah 'Ulum al-Qur'an.
- al-Dhahabi, Shams Din ibn Ahmad. 1985. *Mizan al-Itidal*. Tahqiq: 'Ali Muhammad al-Bajawi. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- al-Haythami, Shihab al-Din Ahmad. 2015. *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, Tahqiq: Husayn Salim al-Darani, al-Qahirah: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Muhammad ibn Ahmad ibn 'Ali. 2000. *Nuzhat al-Nazar fi tawdih Nukhbah al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar*. Madinah: Maktabat al-Taybah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Muhammad ibn Ahmad ibn 'Ali. 2002. *Lisan al-Mizan*. Tahqiq: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. Lubnan: Dar Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad Muhammad. 1995. *Taqrib al-Tahdhib*. Tahqiq: Hasan 'Abd al-Manan. Amman: Bayt al-Fikr al-Dawliyyah.
- Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad ibn Faysal al-Tamimi al-Darimi al-Busti. 1988. *al-Thiqat*. Tahqiq: Sharif al-Din Ahmad. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din. 1977. *Ahmad Ibn 'Abd al-Hakim: Sharh Hadith al-Nuzil*. Dimashq: Mansurat al-Maktab al-Islami.
- Idris al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abd al-Rauf. 1990. *Qamus Idris al-Marbawi; Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.

- al-Khatib al-Bahgdadi, Abu Bakr. 2009. *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'*. Tahqiq: Mahmud Taha. al-Riyad: Dar al-Ma'arif.
- al-Khayr 'Abadi, Muhammad Abu al-Layth. 2004. *'Ulūm al-Hadith Asluha wa Mu'asiruha.*, Bangi: Dar al-Syakir.
- al-Mizzi, Jamal al-Din. 2008.. *Tahdhib al-Kamil fi Asma' al-Rijal*, Tahqiq: Bashar 'Awwar Ma'ruf. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Muslim, Abu al-Ḥusayn 'Asakir al-Din Muslim ibn al-Ḥajjaj ibn Muslim ibn Ward ibn Kawshadh al-Qushayri al-Naysaburi. 2006. *Sahih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Bayrut: Dar Ihya'.
- al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad al-Ansari. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 2009. *Tadrib al-Rawi*. Tahqiq. 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Latif. al-Riyad: Maktabat al-Riyad al-Hadithah
- al-Tabrani, Sulayman ibn Ahmad. 1983. *Mu'jam al-Kabir*. Tahqiq: Hamdi ibn 'Abd al-Majid. Mawsul: Maktabat 'Ulum wa al-Hikam.
- Tahhan, Mahmud. 2008. *Taysir Mustalah al-Hadith*. al-Qahirah: Markaz al-Huda li al-Dirasat
- al-Zarkashi, Badr al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad Baha'. 2003. *al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. Tahqiq. Zayn al-'Abidin. Madinah: Risalat fi al-Jami'ah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah